

KURSUS DALAM PERKHIDMATAN
**PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH
BAGI PENGAMBILAN NOVEMBER 2008**

A. IKLAN PERMOHONAN

Kementerian Pelajaran Malaysia mempelawa Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Bukan Siswazah (PPPBS) yang sedang berkhidmat di sekolah rendah dan menengah di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memohon mengikuti Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah Kursus Secara Sambilan, Mode Kursus Dalam Cuti.

1. SYARAT DAN KELAYAKAN ASAS

- 1.1 Warganegara Malaysia.
- 1.2 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) yang sedang berkhidmat di sekolah rendah dan menengah di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- 1.3 Berumur tidak melebihi 45 tahun pada 15 November 2008.
- 1.4 Telah disahkan dalam jawatan.
- 1.5 Tidak berdaftar dengan mana-mana universiti sebagai pelajar sepenuh masa atau separuh masa.
- 1.6 Memiliki Diploma Perguruan atau Sijil Guru.
- 1.7 Pemohon yang sedang mengikuti kursus KSPK atau KDP 14 minggu **tidak dibenarkan** memohon.
- 1.8 Tidak dikenakan atau dalam proses tindakan tatatertib.
- 1.9 Telah membuat pengistiharan Harta tidak melebihi 5 tahun di bawah peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

2. KETERANGAN PROGRAM

- Nama Program : Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PGSR) Kursus Secara Sambilan Bagi Guru Terlatih Bukan Siswazah
- Tempoh Kursus : November 2008 - Disember 2012
- Mode Kursus : Kursus Dalam Cuti (KDC)
- Program ini dijalankan dalam tempoh selamat empat (4) tahun secara mode Kursus Dalam Cuti di Institut Pendidikan Guru (IPG). Peserta yang lulus peperiksaan dan memenuhi syarat yang ditetapkan akan dianugerahkan **Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian**.
- Reka bentuk kurikulum '*generalist*' diguna pakai bagi memenuhi keperluan guru-guru di sekolah rendah supaya dapat mengajar beberapa subjek sekolah.

3. CARA MEMOHON

- 3.1 Permohonan PGSR Kursus Secara Sambilan Ambilan November 2008 ini boleh dibuat secara **Dalam Talian** sahaja melayari Internet <http://www.moe.gov.my>
Pemohon dinasihatkan melawat dan melayari dahulu laman web tersebut di atas untuk meneliti e-Panduan Permohonan dan memahami dahulu cara-cara membuat permohonan secara Dalam Talian ini.
- 3.2 Permohonan Dalam Talian hanya boleh dibuat mulai **16 Julai 2008**.
- 3.3 Calon dibenarkan mengemukakan hanya **satu permohonan** sahaja.
- 3.4 Maklumat permohonan yang tidak lengkap, boleh mengakibatkan permohonan ditolak.

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan PGSR Kursus Secara Sambilan Ambilan November 2008 ini ditutup pada **15 ogos 2008**.

5. KEUTAMAAN

Calon-calon yang memenuhi kriteria-kriteria berikut akan diberi keutamaan.

- 5.1 Mempunyai pengalaman mengajar sebagai guru terlatih secara terus menerus lebih daripada 5 tahun dalam mata pelajaran yang berkaitan dengan bidang pengajian yang dipohon.
- 5.2 Pernah menghadiri kursus-kursus peningkatan profesional yang sesuai (contoh: Kursus Sijil Perguruan Khas satu tahun, KDP 14 minggu dan kursus-kursus lain yang berkaitan).
- 5.3 Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti pendidikan.
- 5.4 Telah menghasilkan bahan atau memberi sumbangan ilmiah dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.
- 5.5 Sihat tubuh badan, serta mempunyai kemampuan, keazaman, iltizam dan jati diri untuk mengikuti kursus sehingga tamat pengajian.
- 5.6 Mempunyai rekod prestasi perkhidmatan yang cemerlang atau baik dalam penilaian prestasi 3 tahun yang terkini.

6. PENDAFTARAN

Calon yang berjaya ditawarkan tempat untuk mengikuti Program ini akan dikehendaki mendaftar di Institut Pendidikan Malaysia pada 17 November 2008 (tarikh tertakluk kepada pindaan). Calon yang tidak menerima sebarang maklumat dalam tempoh satu (1) bulan selepas tarikh pendaftaran adalah dianggap tidak berjaya.

7. YURAN PENGAJIAN

Yuran pengajian akan ditaja oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sepanjang tempoh pengajian (4 Tahun). Calon hanya perlu membayar RM250.00* (ringgit: dua ratus lima puluh sahaja) setahun bagi tujuan bayaran modul pembelajaran, bayaran perpustakaan dan lain-lain yang

berkaitan kursus (butiran lengkap bayaran akan diberi semasa pendaftaran kursus).

** Jumlah bayaran adalah tertakluk kepada pindaan.*

8. IKATAN PERJANJIAN GURU

Calon yang telah menyempurnakan kursus adalah tertakluk kepada ikatan Perjanjian Pendidikan Guru seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

9. MAKLUMAT TAMBAHAN

- (i) Calon dinasihatkan menyemak status permohonan dari semasa ke semasa melalui internet untuk mengetahui kelayakan dan tawaran ke kursus.
- (ii) Kementerian Pelajaran Malaysia berhak menawar bidang pengajian dan menempatkan calon-calon yang berjaya di mana-mana Institut Pendidikan Guru (IPG).
- (iii) Pemohon yang berjaya akan diberi kelulusan bagi mengikuti kursus semasa cuti sekolah dengan bergaji penuh dan dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- (iv) Peserta yang mengikuti PGSR ini tidak dibenarkan menerima biasiswa atau tajaan dari agensi lain.
- (v) Peserta yang ditawarkan ke program PGSR dikehendaki lulus Malaysia University English Test (MUET). Peperiksaan boleh diambil sebelum tamat tempoh pengajian.

B. KALENDAR AKTIVITI PERMOHONAN

Kalendar aktiviti bagi permohonan Program PGSR adalah seperti berikut dan tertakluk kepada pindaan. Calon dinasihatkan menyemak status permohonan dari semasa ke semasa pada laman web Kementerian Pelajaran Malaysia bagi mendapatkan maklumat terakhir.

Permohonan dibuka	Permohonan ditutup	Sokongan JPN	Pemprosesan Permohonan	Semakan Keputusan	Pendaftaran
16 Julai 2008	15 Ogos 2008	15 Sept - 16 Okt 2008	21 -24 Okt 2008	04 Nov 2008	17 Nov 2008
Iklan disiarkan pada laman web http://emoe.gov.my	Pindaan permohonan dibenarkan sehingga tarikh tutup.	Sokongan dan pengesahan oleh JPN.	Semakan pemilihan calon PGSR untuk ditawarkan kursus.	Senarai calon yang ditawarkan dipapar pada laman web.	Calon yang berjaya melapor diri di Institut Perguruan Malaysia

Catatan :

- Sila ambil maklum dan cetak kalendar aktiviti ini untuk simpan dan rujuk anda.